

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.11.2015

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyataka:-

- (a) mengapakah Insurans Takaful Berkelompok Insurans 1Malaysia atau i-BR1M telah diganti dengan ditukar kepada Skim Khairat Kematian (SKK) tanpa memaklum kepada semua penerima BRIM; dan
- (b) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Pusat untuk menggantikan Insurans Takaful Berkelompok Insurans 1Malaysia atau i-BR1M kepada Skim Khairat Kematian (SKK).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Program Insurans Takaful Berkelompok atau i-BR1M adalah satu perlindungan one-off yang diberikan kepada penerima BR1M kategori isirumah yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2014. Walaubagaimanapun, pada tahun 2015, Kerajaan telah menggantikan i-BR1M kepada Skim Khairat Kematian (SKK). Penggantian ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2013. Pertukaran i-BR1M kepada SKK telah dimaklumkan kepada semua penerima BR1M melalui surat pemakluman pada Disember 2014. Penerima BR1M juga dimaklumkan untuk menamakan waris bagi tujuan tuntutan SKK memandangkan program i-BR1M telah digantikan.

b) Penggantian i-BR1M kepada SKK tidak melibatkan sebarang pertambahan kos kepada Kerajaan malah ia lebih menjimatkan kerana tidak melibatkan bayaran kos premium takaful. Bagi SKK, Kerajaan hanya

akan membelanjakan peruntukan mengikut jumlah sebenar kematian.

Dalam tempoh pelaksanaan i-BR1M, Kerajaan telah membayar sebanyak RM197 juta sebagai bayaran premium kepada Malaysian Takaful Association (MTA) selaku pengendali i-BR1M. Jumlah tuntutan i-BR1M sepanjang tempoh 2014 pula adalah sebanyak 23,272 tuntutan yang melibatkan bayaran berjumlah RM70 juta kepada waris yang meninggal dunia.

Bagi SKK pula, bayaran khairat kematian sebanyak RM1,000 akan diberi kepada waris kategori isirumah yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015. Semua penerima isi rumah BR1M adalah layak menerima SKK ini tanpa mengira kaum. Pembayaran adalah berdasarkan jumlah tuntutan sebenar dimana sehingga 1 November 2015, sebanyak 45 ribu tuntutan telah dibuat dengan kos sebanyak RM45 juta telah dibayar kepada waris.